

บทความวิจัย

*Motivasi Dan Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri: Perspektif Malaysia**Mohd Alwee Bin Yusoff*^{*}*Mohamad Azrien Mohamed Adnan*^{**}

Abstrak

Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di kalangan pelajar Asasi Pengajian Islam Universiti Malaya. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbandingan di kalangan pelajar ke atas faktor-faktor yang dikaji. Faktor-faktor tersebut terdiri daripada nilai intrinsik, efikasi sendiri, kegelisahan terhadap ujian, latihan, teman belajar, pengaturan sendiri metakognisi, dan regulasi usaha. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 110 pelajar daripada semester dua hingga semester empat. Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis regresi berbilang, analisis korelasi pearson dan analisis ujian t. Hasil analisis regresi berbilang menunjukkan bahawa kesemua faktor di atas kecuali kegelisahan terhadap ujian tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

* Ph.D, (Islamic History & Civilization) merupakan pensyarah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri.

** M.Ed, (Education) merupakan guru bahasa Arab di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri.

Abstract

The aim of this study is to identify the factors that influence academic performance among University of Malaya Pre-Academic of Islamic Studies Students. The study also examines the differences between various factors among them. Those factors are intrinsic value, self-efficacy, test anxiety, cognitive strategy and resource management strategy. The study uses a survey method that make use of a questionnaire as an instrument. The samples consist of 110 second semester up to fourth semester students from University of Malaya Pre-Academic of Islamic Studies Students. Pearson correlation, multiple regression analysis and t test are used in this study to investigate the influence of those factors. The result of multiple regression analysis indicated that all factors except for the test anxiety factor are not significantly related in influencing the academic performance.

PENDAHULUAN

Antara cabaran utama para pendidik ialah menyediakan cara untuk membantu para pelajar menjadi pelajar yang bermotivasi, aktif dan mempunyai kemahiran. Ini kerana motivasi merupakan salah satu perkara penting dalam pendidikan. Motivasi juga merupakan penyumbang kepada pencapaian pelajar. Pengetahuan tentang konsep, prinsip dan teori motivasi merupakan elemen asas dalam psikologi pendidikan. Para pendidikan perlu mengetahui bagaimana konsep ini berkait dengan persekitaran bilik darjah dan juga peranan pengajaran dalam bilik darjah serta apakah strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar.

Pada masa sekarang, tanggungjawab pembelajaran adalah tanggungjawab pelajar dan bukannya tanggungjawab guru. Pelajar tidak lagi dilihat sebagai individu yang hanya menerima maklumat dan pengetahuan, bahkan secara aktif terlibat dalam penyusunan dan pembinaan semula maklumat yang sedia ada dengan maklumat baru (Perkins, D.N. 1992: 45-55). Salah satu strategi pembelajaran yang boleh diaplikasi oleh pelajar ialah pembelajaran pengaturan sendiri. Kefahaman terhadap konsep pengaturan sendiri adalah penting bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Pembelajaran pengaturan sendiri merujuk kepada pelajar yang boleh (Zimmerman, Barry J. 1990, 25: 3-17).

"... approach educational tasks with confidence, diligence, and resourcefulness. They are aware of when they do or do not know something. They seek out information when needed and follow the necessary step to master it. When the encounter obstacles such as poor study conditions, confusing teachers, or abstruse text books they find a way to succeed."

Bagi membantu pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran, para pendidik perlu menyediakan strategi pembelajaran kepada mereka. Salah satu matapelajaran yang melibatkan jenis pembelajaran yang pelbagai ialah matapelajaran bahasa Arab. Mata pelajaran bahasa arab bukan sahaja dipelajari oleh pelajar-pelajar aliran sastera sahaja bahkan juga dipelajari oleh pelajar dari aliran sains. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Nilam Puri merupakan salah satu pusat pengajian Islam yang terunggul di Malaysia yang amat menitikberatkan bahasa Arab, terutamanya di dalam Pengajian Syariah, Usuludin dan Pendidikan Islam. Kursus Pengajian Islam dan Sains Gunaan juga turut mementingkan bahasa Arab memandangkan ilmu-ilmu sains itu juga berkait rapat dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Objektif utama pengajaran Bahasa Arab yang hendak dicapai ialah untuk membolehkan pelajar membaca teks bahasa Arab dengan sebutan yang betul, memahami makna perkataan dan teks-teks mudah dan menggunakan perkataan dalam ungkapan mudah untuk berkomunikasi dengan guru-guru juga sesama sendiri.

Sistem pendidikan sekarang berorientasikan peperiksaan (Marsis Mohamad Nasir. 1998: 832-855) menyebabkan pelajar tertumpu kepada ilmu yang akan membawa mereka kepada kejayaan cemerlang dalam peperiksaan. Walaupun ramai di kalangan pelajar mendapat gred tinggi dalam peperiksaan namun mereka tidak cemerlang dalam menguasai ilmu tersebut.

PENYATAAN MASALAH

Dalam membicarakan wawasan pembelajaran bahasa Arab, adalah wajar dihubungkan dengan wawasan 2020 di mana pada ketika akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dengan sifatnya yang tersendiri. Ini kerana bahasa Arab dapat dikategorikan sebagai bahasa ilmu yang dapat menyaingi bahasa-bahasa lain di dunia. Aspek pendidikan merupakan tunjang utama ke arah mencapai tujuan tersebut. Matlamat utama pendidikan bukan sahaja membekalkan pelajar dengan pengetahuan dalam pelbagai bidang, malah menyediakan cara untuk mendidik diri selepas meninggalkan alam persekolahan. Perkembangan teknologi dan maklumat yang semakin pantas juga memerlukan persediaan yang rapi bagi para pelajar. Para pelajar seharusnya memiliki kemahiran pengaturan sendiri bagi membolehkan mereka mengemaskini pengetahuan secara berterusan. Seajar dengan perkembangan ini adalah diharapkan pendidikan bahasa Arab tidak ketinggalan dan terus dapat menyaingi bidang-bidang lain. Oleh itu, para pelajar yang melibatkan diri dalam pembelajaran pengaturan sendiri merupakan mereka yang mampu memenuhi cabaran ini di masa hadapan.

Pembelajaran pengaturan sendiri sahaja tidak cukup untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Pelajar seharusnya dimotivasi untuk menggunakan strategi serta mengatur kognisi dan usaha mereka (Paris, S.G., Lipson, M.Y., & Wixson, K. 1983, 8: 298-316). Dalam konteks pembelajaran dan pencapaian akademik, seseorang pelajar perlu mempunyai pandangan tentang kebolehan, kemahiran dan pengetahuan untuk menyempurnakan tugas pembelajaran di samping perlu ada ekspektasi tentang gred yang akan diperolehi berdasarkan tugas tersebut.

Walaupun pendidikan bahasa Arab telah lama diperkenalkan di negara ini, namun pencapaian pelajar di peringkat sekolah mahupun di institut pengajian tinggi masih belum memuaskan. Para pelajar masih belum mampu menguasai kemahiran-kemahiran bahasa dengan baik seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran bertulis. Terdapat beberapa kajian yang menyentuh tentang pencapaian pelajar dalam bahasa Arab. Mowafak et.al (Mowafak Abdullah, Raja Mohd Fauzi & Mohamed Amin Embi. 1999, 24: 108-123) telah membuat kajian rintis tentang penguasaan kemahiran kefahaman bacaan di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah agama di Negeri Sembilan. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan tahap kefahaman bacaan bahasa Arab di Negeri Sembilan adalah pada tahap lemah. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Nik Mohd Rahimi dan Kamarulzaman (Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2002: 61-75) ke atas pelajar sekolah menengah agama kerajaan (SMKA) dan sekolah menengah agama negeri (SMAN) di Kelantan mendapati pencapaian pelajar dalam kemahiran membaca berada pada tahap sederhana.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada tahap pencapaian pelajar, namun pihak penyelidik tidak lupa untuk menjadikan faktor penyumbanganya ialah dorongan dan keyakinan diri yang dimiliki serta kaedah pembelajaran yang diamalkan. Di APIUM Nilam Puri pembelajaran bahasa arab bukan sahaja diperkenal kepada pelajar asasi syariah, usuluddin dan pendidikan Islam malah juga kepada pelajar

aliran sains yang mengambil bidang pengajian Islam dengan sains gunaan. Oleh itu, kajian ini cuba menjawab persoalan berikut:

- 1) Apakah faktor yang mendorong kepada pencapaian akademik pelajar dalam mempelajari bahasa Arab?
- 2) Adakah terdapat perbezaan antara tahap motivasi dan strategi pembelajaran pengaturan sendiri di antara pelajar Asasi Pengajian Islam dan Sains dengan pelajar bukan Asasi Pengajian Islam dan Sains?

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Keunikan dan keunggulannya telah tersohor apabila kehebatan al-Quran diturunkan oleh Allah di dalam bahasa Arab tidak dicabar oleh sesiapa pun sebagaimana firman Allah

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ ۚ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ
اللَّهِ ۚ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Maksudnya: "Dan jika kamu (tetap) dalam keraguan tentang al-Quran yang Kami wahyukan kepada hamba Kami (Muhammad), buatlah satu surah sahaja yang sebanding dengan al-Quran dan panggillah penolong-penolongmu selain Allah, jika kamu orang-orang yang benar."

(Surah al-Baqarah, 2: 23)

Oleh kerana kedudukan bahasa Arab yang tinggi nilainya di kalangan orang Islam, maka usaha untuk mempelajarinya amatlah perlu bagi memudahkan mereka memahami ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan hadis yang berbahasa Arab. Ini bermakna bahasa Arab akan kekal sebagai bahasa rujukan umat Islam dan bahasa pertuturan manusia. Pengekalan bahasa Arab di dunia ini merupakan satu keistimewaan yang diberikan oleh Allah kepada bahasa tersebut berbanding dengan bahasa-bahasa lain.

Di Malaysia, bahasa Arab dikategorikan sebagai bahasa asing sebagaimana yang termaktub dalam akta pendidikan 1996. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) telah memperkenalkan dua bentuk kurikulum bahasa Arab kebangsaan yang dikenali sebagai Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dan Bahasa Arab Tinggi (BAT). Justeru, pendekatan komunikatif dalam pengajaran diperkenalkan selaras dengan perkembangan terkini dalam kaedah pengajaran bahasa asing. Ta'imah (Ta'imah, Rushdi Ahmad. 1989: 127-144) menyatakan terdapat lima kaedah pengajaran bahasa Arab yang sering digunakan.

1.Kaedah nahu dan terjemahan. Kaedah ini merupakan kaedah yang paling popular dalam pengajaran bahasa asing. Kaedah ini mementingkan kemahiran membaca, menulis dan menterjemah dengan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.

2.Kaedah terus. Kaedah ini tidak menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, sebaliknya menggunakan terus bahasa asing dalam proses pengajaran. Tujuan utamanya untuk meningkatkan keupayaan pelajar berfikir dalam bahasa Arab.

3.Kaedah aural-oral. Kaedah ini lebih menumpukan aspek bertutur dan mendengar dengan menggunakan pelbagai kaedah. Tujuan utamanya ialah untuk meningkatkan keupayaan bahasa pelajar dalam mempelajari bahasa Arab dengan berkomunikasi dengan penutur jati.

4.Kaedah pembacaan. Kaedah ini menumpukan kepada kemahiran membaca. Kaedah ini membantu pelajar membaca dengan pantas dan menguasai maklumat dengan lebih mendalam.

5.Kaedah kod-kognitif. Kaedah ini mementingkan pengetahuan dan pemahaman tentang struktur bahasa.

6.Dalam mempelajari bahasa Arab, latihan, aplikasi dan komunikasi amat diperlukan. Komunikasi perlu wujud antara guru dengan pelajar, antara pelajar dengan rakan-rakan dan antara pelajar dengan masyarakat.

Bagi memudahkan proses pembelajaran terutama sekali melibatkan kemahiran bahasa, guru haruslah memainkan peranan sebagai pemudahcara. Guru mestilah memahami selok belok pengajaran dan pembelajaran bahasa supaya mampu menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Justeru, dengan perkembangan dan perubahan sistem pendidikan negara mendorong para guru mempertingkatkan bentuk pengajaran mereka. Peningkatan ini bertujuan untuk menjadikan pelajar lebih kreatif dan proaktif. Oleh itu, perubahan kaedah pengajaran secara tradisional yang berpusatkan guru kepada kaedah terkini yang berpusatkan pelajar amat diperlukan.

Dalam konteks ini, guru perlu merancang dan menyediakan dengan baik aktiviti pengajaran bersesuaian dengan tujuan, suasana dan kaedah pengajaran. Justeru, guru harus menguasai kaedah pengajaran yang lebih bersistem, dinamik dan dapat menarik minat pelajar. Pendekatan yang memotivasikan pelajar akan menjadikan mereka lebih berminat terhadap sesuatu pengajaran. Bagi meningkat keberkesanan pembelajaran pelajar, penglibatan pelajar dalam aktiviti bilik darjah dan latihan akademik adalah penting. Penglibatan yang positif dalam aktiviti bilik darjah mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik (Steinberg, L. 1996, 5(4): 257-265). Oleh itu, pendekatan motivasi pembelajaran pengaturan sendiri adalah antara kaedah yang baik bagi meningkatkan prestasi pelajar.

Model Kajian : Faktor Yang Menerangkan Pencapaian Akademik Pelajar

Model yang paling komprehensif yang melibatkan motivasi dan strategi pembelajaran ialah model yang di asaskan oleh Pintrich (Paulsen, M.B & Gentry, J.A. 1995, 5(1): 78-79). Model ini berasaskan Teori Jangkaan-Nilai dan Teori Pengaturan Kendiri. Model Teori-Jangkaan Nilai mengenalpasti komponen Nilai, Jangkaan dan Afektif sebagai tiga pembolehubah penting dalam menerangkan motivasi pelajar. Teori

Pengaturan Kendiri pula mengenalpasti komponen Strategi Kognitif dan Metakognitif dan Strategi Pengurusan Sumber sebagai pembolehubah dalam menerangkan strategi pembelajaran.

Proses pembelajaran pelajar melibatkan motivasi atau keinginan dan kemahiran pembelajaran yang sesuai (Paulsen, M.B & Gentry, J.A., Ibid.). Berdasarkan kajian lepas, pembolehubah motivasi dan strategi pembelajaran merupakan peramal prestasi akademik pelajar yang signifikan. Pembolehubah ini membentuk satu kerangka konseptual bagi memahami sebab musabab mengapa dan bagaimana pembelajaran pelajar.

Dalam kajian ini, tumpuan utama ke atas tiga komponen motivasi dan dua komponen pengaturan kendiri berdasarkan model motivasi yang di bina oleh Pintrich et. Al (Pintrich, P.R. , Smith, D.A.F., Garcia, T & McKeachie, W.J. 1991). Komponen motivasi meliputi Nilai, Jangkaan dan Afektif manakala komponen pengaturan kendiri terdiri daripada Strategi Kognitif dan Metakognitif dan Strategi Pengurusan Sumber.

Pembolehubah Motivasi

Bahagian ini menerangkan pembolehubah motivasi berdasarkan Model Pintrich seperti Nilai Intrinsik (Komponen Nilai), Efikasi Kendiri (Komponen Jangkaan) dan Kegelisahan Terhadap Ujian (Komponen Afektif).

Komponen Nilai : Nilai Intrinsik

Komponen nilai ini meliputi Orientasi Matlamat dan Nilai Tugas. Pengenalpastian matlamat pembelajaran merupakan elemen penting bagi menentukan kejayaan seseorang. Matlamat penting dalam menggerakkan usaha, meningkat ketabahan dan mempengaruhi efikasi seseorang melalui komitmen. Secara umumnya, pelajar yang mempunyai matlamat yang efektif, menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai dan menilai keperluan pembelajaran, cenderung untuk mencapai tahap yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lain (Garavalia, L. S. & Gredler, M. E. 2002, 29(4): 221-231).

Nilai tugas pula menumpukan ke atas penilaian pelajar ke atas kepentingan sesuatu tugas. Pintrich dan Roeser (Pintrich, P. R. & Roeser, R. W. 1994, 14(2): 139-162) mencadangkan tiga aspek utama nilai tugas iaitu minat, utiliti dan kepentingan. Minat merujuk kepada minat peribadi pelajar dan keinginan mereka ke atas bahan pengajian. Aspek utiliti merujuk kepada tanggapan pelajar bagaimana bergunanya bahan pengajian kepada mereka. Kepentingan merujuk kepada tanggapan pelajar tentang tahap kesesuaian kandungan pengajian kepada mereka. Tahap nilai tugas yang lebih tinggi akan menghasilkan tingkah laku yang lebih bermotivasi dan nilai tugas di dapati berkorelasi dengan prestasi akademik (Pintrich, P. R. & Roeser, R. W., Ibid).

Komponen Jangkaan : Efikasi Kendiri

Pajares (Pajares, F. 2002, 41(2) 116-125) menyatakan bahawa efikasi kendiri mempengaruhi prestasi akademik pelajar dalam beberapa cara. Dalam situasi pilihan bebas, pelajar lebih cenderung untuk melakukan sesuatu tugas yang diyakini dan akan meninggalkan tugas yang sebaliknya. Efikasi kendiri menolong menentukan sejauhmana usaha yang diperlukan untuk sesuatu aktiviti, tahap ketabahan apabila

menghadapi rintangan dan bagaimana mereka bertahan dalam situasi yang berbahaya. Semakin tinggi tahap efikasi, semakin besar usaha, ketabahan dan ketahanan seseorang pelajar. Efikasi sendiri yang rendah akan melemahkan keinginan pelajar untuk menggunakan usaha dalam melakukan tugas (Butler, D.L. 2002: 81-92).

Efikasi sendiri juga mempengaruhi ketegangan dan kebimbangan pelajar. Pelajar yang mempunyai keyakinan diri akan melakukan tugas dengan tenang manakala pelajar yang kurang keyakinan diri akan sentiasa berada dalam kecemasan (Butler, D.L., Ibid). Pintrich dan DeGroot (Pintrich, P.R. & DeGroot, E.V. 1990: 33-40) merumuskan bahawa efikasi sendiri dan strategi pembelajaran didapati mempunyai kaitan dengan prestasi akademik.

Komponen Afektif : Kegelisahan Terhadap Ujian

Tingka laku afektif merujuk kepada tindakbalas emosi ke atas sesuatu tugas yang tertentu. Ukuran yang biasa digunakan untuk melihat tindakbalas emosi ialah ukuran kegelisahan terhadap ujian. Tobias (Tobias, S., 1985: 135-142) menyatakan bahawa setiap pelajar mempunyai kapasiti yang terbatas untuk memproses maklumat semasa mengambil ujian. Pintrich dan De Groot mendapati kegelisahan terhadap ujian mempunyai hubungan yang negatif dengan pencapaian akademik.

Pembolehubah Strategi Pembelajaran

Perkataan strategi pembelajaran merujuk kepada tingka laku dan pemikiran yang digunakan oleh pelajar bagi memproses maklumat. Para pendidik sentiasa mengharapkan para pelajar mereka aktif dan berkemahiran serta menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai dalam aktiviti pembelajaran. Pintrich dan Schrauben (Pintrich, P.R. & Schrauben, B. 1992: 149-183) membahagikan strategi pembelajaran kepada strategi kognitif dan strategi pengaturan sendiri.

Strategi Kognitif

Strategi kognitif merupakan strategi asas yang digunakan bagi menyimpan maklumat baru dalam jangka masa panjang. Weinstein dan Mayer (Weinstein, C.E; Mayer, R.E., Op. Cit.) membahagikan strategi kognitif asas untuk memproses maklumat ke dalam tiga kategori iaitu latihan, organisasi, dan huraian. Pelajar menggunakan strategi latihan bagi mengekalkan maklumat yang baru diperolehi dalam jangka masa pendek dan strategi organisasi bagi membuat perhubungan (hubungan dalaman). Strategi penghuraian digunakan untuk membuat hubungan luaran. Sebagai contoh, pelajar bahasa Arab yang belajar konsep *mubtada'* dan *khavar* (subjek dan predikat), akan mengingat konsep-konsep asas berkenaan dengan *mubtada'* dan *khavar* (strategi latihan). Kemudian mereka akan cuba mengenalpasti konsep *mubtada'* dan *khavar* berpandukan contoh-contoh yang diberi (strategi penghuraian). Akhir sekali, mereka akan cuba membuat ayat sendiri dengan berpandukan konsep dan contoh yang diajar (strategi penghuraian).

Strategi Pengurusan Sumber

Para pelajar menggunakan strategi pengaturan sendiri untuk memantau dan mengawasi pemikiran, tingkahlaku dan sumber-sumber persekitaran. Ini bertujuan bagi mempengaruhi strategi kognitif yang diamalkan. Strategi pengurusan sumber digunakan oleh pelajar bagi mengatur sendiri sumber peribadi dan persekitaran bagi tujuan akademik. McKeachie et al (1986) membahagikan pengurusan sumber kepada empat bahagian iaitu pengurusan masa, pengurusan persekitaran pembelajaran, pengurusan usaha, pengurusan bagi mendapat sokongan pihak lain. Contoh pengurusan masa seperti penjadualan pembelajaran dan penetapan matlamat. Pengurusan persekitaran pembelajaran pula melibatkan kawasan pembelajaran yang baik, senyap dan teratur. Strategi pengurusan usaha melibatkan ketabahan, situasi yang baik (mood). Manakala strategi sokongan meliputi mencari bantuan dari guru, rakan, dan sebagainya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan soalselidik untuk mendapatkan data daripada pelajar. Seramai 110 pelajar dari Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri dipilih sebagai sampel kajian. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Data yang dikumpulkan dikod dan dianalisis. Kaedah analisis statistik yang digunakan merangkumi analisis deskriptif dan inferens. Objektif pertama kajian ini adalah untuk membandingkan tahap motivasi dan strategi pembelajaran pengaturan sendiri di antara pelajar Asasi Pengajian Islam dan Sains dengan pelajar-pelajar bukan Asasi Pengajian Islam dan Sains dan implikasinya ke atas pencapaian akademik. Bagi menyelesaikan objektif ini, ujian t digunakan. Ujian t digunakan untuk melihat perbezaan yang wujud antara pembolehubah. Objektif kedua kajian ini ialah faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Langkah pertama bagi menyelesaikan objektif kedua ini, analisis korelasi *Pearson Product Moment* digunakan. Korelasi ini digunakan untuk menentukan darjah hubungan di antara setiap variabel yang digunakan dalam kajian. Kemudian, analisis regresi berbilang digunakan bagi menentukan kekuatan hubungan di antara faktor-faktor yang dikaji. Model regresi sesuai digunakan untuk kajian ini kerana pembolehubah bersandar yang digunakan adalah bersifat nisbah iaitu data-data mentah diperolehi secara langsung daripada pelajar.

Hasil Kajian

Bilangan soal selidik yang dihantar adalah sebanyak 150 soal selidik dan diterima sebanyak 130 soal selidik. Walau bagaimanapun, hanya 110 soal selidik sahaja yang diisi dengan lengkap.

Berdasarkan Jadual di bawah, sampel kajian terdiri daripada 68 orang pelajar perempuan dan 42 orang pelajar lelaki. Daripada 42 orang tersebut, 24 orang daripada mereka terdiri dari kalangan pelajar Asasi Pengajian Islam dan Sains dan 18 orang lagi dari kalangan selain Asasi Pengajian Islam dan Sains. Daripada 68 orang pelajar perempuan pula, seramai 30 orang pelajar daripada Asasi Pengajian Islam dan Sains dan selebihnya daripada selain Asasi Pengajian Islam dan Sains.

Di dalam soal selidik, para pelajar diminta mengisi purata nilai gred kumulatif. Data yang diambil adalah berbentuk nominal iaitu setiap pelajar menyatakan PNGK mereka. Kemudian data ini dibahagikan kepada dua iaitu 1 mewakili nilai rendah dan 2 mewakili nilai tinggi. Nilai PNGK yang rendah adalah antara 3.00 – 3.69 manakala PNGK 3.70 – 4.00 di kategorikan sebagai PNGK yang tinggi. Seramai 60 orang pelajar mempunyai nilai PNGK antara 3.70 – 4.00 dan kebanyakan mereka terdiri daripada pelajar Bukan Asasi Pengajian Islam dan Sains.

Ujian Pengesahan Data

Nilai *Alpha* yang lebih tinggi menunjukkan ketekalan responden dalam menjawab soal selidik. Berdasarkan Jadual 4.3, setiap pemboleh ubah menunjukkan nilai *Alpha* yang hamper dengan 1 iaitu, 0.804 bagi pemboleh ubah NILAI INTRINSIK, 0.750 bagi pemboleh ubah EFIKASI KENDIRI, 0.747 bagi pemboleh ubah KEGELISAHAN TERHADAP UJIAN, 0.763 untuk pemboleh ubah STRATEGI KOGNITIF dan 0.644 untuk pemboleh ubah PENGATURAN KENDIRI. Ini menunjukkan responden memberikan jawapan secara konsisten dan dapat memberi nilai yang berbeza antara pemboleh ubah yang berlainan.

Keputusan Ujian T

Ujian ini dilakukan untuk melihat perbezaan di kalangan responden mengikut pengkhususan pengajian berhubung dengan motivasi dan pembelajaran pengaturan sendiri. Jadual 1 di bawah menunjukkan hasil keputusan ujian-t mengikut pengkhususan pengajian.

Jadual 1 : Keputusan Ujian t

Pemboleh ubah	Min Kumpulan		Nilai t	Nilai Signifikan
	Asasi Pengajian Islam dan Sains	Bukan Asasi Pengajian Islam dan Sains		
Nilai Intrinsik	4.1181	4.3326	-2.082	.040*
Efikasi Kendiri	3.5947	3.6865	.903	.369
Kegelisahan terhadap Ujian	2.8519	2.6741	.926	.357
Strategi Kognitif	3.8117	3.9137	-1.042	.300
Pengaturan Kendiri	3.7263	3.8909	-1.732	.086

* Perbezaan signifikan pada aras keertian 0.05

Hasil keputusan menunjukkan terdapat perbezaan di kalangan pelajar Asasi Pengajian Islam dan Sains dan Bukan Asasi Pengajian Islam dan Sains berhubung dengan nilai intrinsik. Nilai min menunjukkan

bahawa pelajar Bukan Asasi Pengajian Islam dan Sains mempunyai nilai intrinsik yang lebih tinggi berbanding dengan Asasi Pengajian Islam dan Sains. Hasil analisis di atas menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang ketara di antara para pelajar berhubung faktor-faktor lain seperti efikasi sendiri, kegelisahan terhadap ujian, strategi lognitif, dan pengaturan sendiri.

Ujian Multikolineariti

Ujian multikolineariti dibuat untuk menguji sama ada wujud masalah korelasi yang sangat tinggi antara pembolehubah dalam model regresi yang diuji (Field, A. 2000: 201-204). Masalah kolineariti yang serius berlaku apabila nilai tolerance (*tolerance value*) kurang daripada 0.1 (Menard, S.1995: 201-204), manakala nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) yang lebih daripada 10 (Myers,R.1990: 201-204). Jadual 2 menunjukkan koefisyen kolineriti.

Jadual 2 : Koefisyen Kolineariti

Pembolehubah Bebas	Statistik Kolineariti	
	<i>Tolerance</i>	<i>VIF</i>
Nilai Intrinsik	.631	1.575
Efikasi Kendiri	.791	1.264
Kegelisahan terhadap Ujian	.899	1.112
Strategi Kognitif	.446	2.240
Pengaturan Kendiri	.393	2.547

Berdasarkan Jadual di atas, nilai toleransi bagi kelima-lima pembolehubah bebas yang ditunjukkan melebihi nilai 0.1. Manakala *VIF* adalah kurang daripada 10. Ini menunjukkan tiada masalah kolineariti antara kesemua pembolehubah bebas yang digunakan. Ini boleh dijelaskan lagi dengan jadual 3 yang menunjukkan korelasi antara semua pembolehubah bebas. Tiada sebarang pembolehubah yang mempunyai korelasi yang sangat ketara.

Jadual 3 : Korelasi Pearson

PEMBOLEHUBAH	1	2	3	4	5
Nilai Intrinsik	-				
Efikasi Kendiri	.405(**)	-			
Kegelisahan terhadap ujian	-.089	-.171	-		
Strategi Kognitif	.482(**)	.281(**)	-.063	-	
Pengaturan Kendiri	.536(**)	.331(**)	.104	.726(**)	-

Hasil daripada analisis korelasi juga menunjukkan bahawa efikasi sendiri ($r=.281$) dan nilai intrinsik ($r=.482$) mempunyai pertalian dengan strategi kognitif. Begitu juga dengan pengaturan sendiri mempunyai pertalian dengan nilai intrinsik ($r=.536$) dan efikasi sendiri ($r=.331$). Walau bagaimanapun, faktor kegelisahan terhadap ujian tidak mempunyai pertalian dengan strategi kognitif dan juga pengaturan sendiri.

Regresi Berbilang

Keputusan daripada analisis regresi berbilang menunjukkan bahawa faktor Kebimbangan Terhadap Ujian adalah faktor penting yang dapat menerangkan Pencapaian Akademik Pelajar. Faktor-faktor lain seperti Nilai Intrinsik, Efikasi Kendiri, Strategi Kognitif dan Pengaturan Kendiri didapati tidak penting untuk menerangkan Pencapaian Akademik pelajar bagi sampel ini.

Jadual 4 : Koefisien regresi berbilang	
Variabel Penentu	Nilai t
Nilai Intrinsik	.988
Efikasi Kendiri	-.335
Kebimbangan terhadap Ujian	-3.361
Strategi Kognitif	-1.160
Pengaturan Kendiri	1.082
Nota: * $p<.05$ Ujian t satu ekor $R^2 = .118$	

Faktor yang mempunyai kesan yang signifikan (Kegelisahan terhadap Ujian) telah dapat menghuraikan sebanyak 11.8% daripada varians dalam PNGK. Ini adalah satu paras yang agak rendah dan dengan itu tidak dapat memberi sokongan yang kuat pada model kajian yang menggunakan nilai intrinsik, efikasi sendiri, strategi kognitif dan pengaturan sendiri sebagai variabel-variabel penerang untuk menghuraikan pencapaian akademik pelajar dalam mempelajari bahasa Arab.

Rumusan

Kajian ini telah menguji satu model pencapaian akademik pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab di kalangan para pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri. Variabel-variabel penentu yang didapati mempunyai korelasi yang kuat dengan pencapaian akademik ialah kegelisahan terhadap ujian. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kegelisahan terhadap ujian mempunyai hubungan yang negatif

dengan pencapaian akademik pelajar. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi kegelisahan pelajar terhadap ujian, semakin rendah keputusan yang mereka perolehi. Kajian ini selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh Pintrich et. Al (Pintrich, P.R. , Smith, D.A.F., Garcia, T & McKeachie, W.J. 1991. *Op.cit*) dan Pintrich & De Groot (Pintrich, P.R. & DeGroot, E.V. 1990. *Op.cit*). Faktor nilai intrinsik, efikasi sendiri, strategi kognitif dan pengaturan sendiri didapati tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Ini menunjukkan bahawa keempat-empat faktor yang dibincangkan ini bukan merupakan faktor penyumbang kepada pencapaian akademik pelajar. Dengan ini dapat dikatakan bahawa faktor motivasi yang dibincangkan kecuali komponen kegelisahan terhadap ujian dan faktor pembelajaran pengaturan sendiri tidak dapat menerangkan pencapaian akademik pelajar. Hal ini dapat dijelaskan melalui nilai R^2 yang terlalu rendah iaitu 11.8% apabila analisis regresi dijalankan.

Hasil daripada analisis ujian t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara pelajar Asasi Pengajian Islam dan Sains dan pelajar bukan Asasi Pengajian Islam dan Sains berhubung dengan nilai intrinsik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar bukan Asasi pengajian Islam dan Sains mempunyai lebih mempunyai matlamat pembelajaran berbanding dengan pelajar Asasi Pengajian Islam dan Sains.

Walaupun bagaimanapun, melalui analisis soalan terbuka yang dibuat didapati kebanyakan pelajar mengatakan bahawa faktor yang dapat memotivasikan mereka ialah dorongan daripada ibubapa, para guru yang sentiasa memberikan semangat kepada mereka, dan kawan-kawan yang dapat membantu menyelesaikan masalah. Ini bermakna, para guru perlu memainkan peranan penting dalam memberi semangat kepada pelajar dan mendidik mereka mengatur sendiri pembelajaran mereka. Walaupun banyak hasil kajian menyokong kepentingan proses pengaturan sendiri pelajar, sebahagian guru masih lagi menyediakan pelajar belajar dengan cara mereka sendiri (Zimmerman, B.J., Bonner, S., & Kovach, R. 1996: 64-71). Para pelajar jarang diberi pilihan berkenaan tugas akademik untuk dilaksanakan, kaedah untuk melaksanakan tugas yang kompleks, atau rakan belajar. Hanya sebahagian kecil guru yang menggalakkan pelajar membina matlamat-matlamat tertentu atau mengajarkan mereka strategi-strategi pembelajaran. Para pelajar jarang diminta untuk menilai sendiri kerja mereka atau menganggarkan kecekapan mereka ke atas tugas baru. Para guru juga jarang menilai kepercayaan pelajar terhadap pembelajaran seperti efikasi sendiri atau ciri sebab-akibat untuk mengenalpasti kesukaran berkaitan motivasi dan kognisi (Zimmerman, B.J. 2002: 64-70).

Setiap proses pengaturan sendiri seperti penetapan matlamat, penggunaan strategi, dan penilaian sendiri boleh dipelajari daripada ibubapa, guru, jurulatih dan rakan sebaya. Sebenarnya, pelajar pengaturan sendiri mencari pertolongan dari pihak lain untuk memperbaiki strategi pembelajaran mereka. Pengaturan sendiri bukanlah bermaksud kebergantungan pelajar ke atas kaedah pembelajaran, tetapi inisiatif sendiri, ketabahan dan kemahiran tersendiri. Pelajar pengaturan sendiri menumpukan perhatian ke atas bagaimana mereka menggiatkan, mengubah, dan mempertahankan amalan pembelajaran tertentu dalam konteks sosial dan juga bersendirian. Pengajaran proses pengaturan sendiri adalah penting terutama di dalam era di mana aktiviti pembelajaran semakin lenyap.

RUJUKAN

- Perkins, D.N. 1992. **Technology meets constructivism: Do they make a marriage?**. Dalam Duffy T.M & Jonassen, D.H. *Constructivism and the technology of instruction: A conversation*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Zimmerman, Barry J. 1990. **Self-regulated learning and academic achievement: An overview**. *Educational Psychologist*.
- Marsis Mohamad Nasir. 1998. **Permasalahan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Institusi Pendidikan**, dlm *Jurnal Dewan Bahasa*, 42 (3), 832-855: Mohd Arif Hj Ismail & Amran Mohd Rusoff, *Perkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam*, Fakulti Pendidikan UKM.
- Paris, S.G., Lipson, M.Y., & Wixson, K. 1983. **Becoming a strategic reader**. *Contemporary Educational Research*.
- Mowafak Abdullah, Raja Mohd Fauzi & Mohamed Amin Embi. 1999. **The acquisition of Arabic reading skills among religious school student: A pilot study**. *Jurnal Pendidikan*. Penerbit UKM.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2002. **Faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman bacaan Arab di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah agama**. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ta'imah, Rushdi Ahmad. 1989. **Ta'lim al-lughah al-^oArabiyyah lighayr al-natiqina biha: manahijuhu wa asalibuhu**. Rabat: Mansyurat al-Munazzamah al-Islamiyyah li Tarbiyyah wa al-Ulum wa al-Thaqafah (ISESCO). .
- Steinberg, L. 1996. **Beyond the classroom: Why school reform has failed and what parents need to do**. New York: Simon & Shuster. Dlm Lapan, R.T., Kardash. C.A.M., & Turner, S. 2002. *Empowering students to become self-regulated learners*. *Professional School Counseling*
- Paulsen, M.B & Gentry, J.A. 1995. **Motivation, learning strategies and academic performance: A study of the college finance classroom**. *Financial Practise & Education*
- Pintrinch, P.R., Smith, D.A.F., Garcia, T & McKeachie, W.J. 1991. *A Manual for the use of the Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ)*, National Center for Research to Improve Postsecondary Teaching and Learning.
- Garavalia, L. S. & Gredler, M. E. (2002). **"An Exploratory Study of Academic Goal Setting, Achievement Calibration and Self-Regulated Learning"**, *Journal of Instructional Psychology*.
- Pintrich, P. R. & Roeser, R. W. (1994). **"Classroom and Individual Differences in Early Adolescents' Motivation and Self-Regulated Learning"**, *Journal of Early Adolescence*, 14(2), 139-162.
- Pajares, F. 2002. **Gender and perceived self-efficacy in self-regulated learning**. *Theory Into Practice* 41(2): 116-125
- Butler, D.L. 2002. **Individualizing instruction in self-regulated learning**. *Theory Into Practice*.

- Pintrich, P.R. & DeGroot, E.V. 1990. **Motivational and self-regulated learning components of classroom academic performance.** Journal of Educational Psychology.
- Tobias, S., (1985). **"Test Anxiety: Interference, Defective Skills and Cognitive Capacity"**, Educational Psychologist, 20,135-142.
- Pintrich, P.R. & Schrauben, B. 1992. **Students motivational beliefs and their cognitive engagement in classroom academic task.** Dalam Shunk, D.H & Meece, J.L. Student Perceptions in the classroom. Hillsdale. NJ: Lawrence Erlbaum Associates. h. 149-183
- Field, A. 2000. **Discovery Statistics using SPSS for Windows.** Cetak ulang. Great Britain: SAGE Publications Ltd. h. 201-204
- Menard, S. 1995. **Applied logistic regression analysis.** Dalam Field, A. 2000. Discovery Statistics using SPSS for Windows. Cetak ulang. Great Britain: SAGE Publications Ltd. h. 201-204
- Myers, R. 1990. **Classical and modern regression with applications.** Dalam Field, A. 2000. Discovery Statistics using SPSS for Windows. Cetak ulang. Great Britain: SAGE Publications Ltd. h. 201-204
- Zimmerman, B.J., Bonner, S., & Kovach, R. 1996. **Developing self-regulated learner: Beyond achievement to self-efficacy.** Washington, DC: American Psychological Association. Dlm Zimmerman, B.J. 2002. **Becoming a self-regulated learner: An overview.** Theory Into Practices.
- Zimmerman, B.J. 2002. **Becoming a self-regulated learner: An overview.** Theory Into Practices.